

Memanah bolot tiga anugerah

KASIO: 13/10/2013

Ungguli tiga daripada lapan kategori sempena Anugerah Sukan Unisza 2012



Pemenang merakam kenangan bersama hadiah dimenangi selepas Majlis Penyampaian Anugerah Sukan Unisza 2012 dan Insentif Sukan di Riyaz Heritage Hotel, Pulau Duyong, kelmarin.

ZUBIR SULAIMAN

KUALA TERENGGANU - Atlet sukan memanah berjaya mengungguli Anugerah Sukan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) 2012 apabila membolot tiga daripada lapan kategori yang dipertandingkan, malam kelmarin.

Pada majlis itu, atlet memanah kebangsaan, Fatin Nadira Hassin, 21, dinobatkan sebagai olahragawati Unisza.

Anugerah olahragawan Unisza 2012 menjadi milik atlet karate-do kebangsaan, Noor Azizan Nor Azli, 21, menewaskan pencabar terdekat atlet mendayung (Mohd Rizal Helmy Anuar) dan hoki (Muhamad Shahiram Zali).

Selaku olahragawan dan olahragawati Unisza, Noor Azizan dan Fatin Nadira menerima wang tunai RM1,000, piala pusingan, piala iringan, jaket serta sijil penghargaan.

Kedua-dua mereka dipilih setelah menempa pelbagai kejayaan di dalam mahupun luar negara.

Menurut Noor Azizan yang juga penuntut tahun tiga jurusan Diploma Teknologi Maklumat dan Multimedia, dia bangga dapat menjulang nama Unisza dalam sukan karate-do sehingga ke peringkat luar negara.

menangi itu secara tidak langsung menyuntik semangatnya untuk terus melakar lebih banyak kemenangan pada kejohanan akan datang.

"Saya bersyukur dengan kejayaan saya pada hari ini memandangkan penglibatan saya dalam sukan ini setelah dipaksa bapa sewaktu di sekolah rendah dan kini baru saya dapat lihat hasilnya," katanya ketika ditemui selepas majlis itu, di sini, kelmarin.

Bagi Fatin Nadira pula, dia terlibat dalam sukan memanah secara kebetulan ketika mengikuti kursus memanah yang dihantar gurunya ketika di sekolah rendah dan selepas kejayaan demi kejayaan dalam bidang itu, dia semakin serius sehingga berjaya mewakili negara.

"Walaupun saya mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kewangan Islam, namun ia sedikit pun tidak menghalang saya untuk mengukir nama dalam arena sukan dan pihak universiti sangat mendorong dengan menyediakan pelbagai kemudahan sukan di universiti," katanya.

Pada majlis sama, Mohamad Ammirol Mat Sidek (bola tampar) dan Azuanis Abdullah (memanah) dipilih sebagai penerima olahraga dan olahragawan harapan sekali gus membawa pu-

pusingan, piala iringan serta sijil penghargaan.

Pasukan menembak pula dipilih sebagai pasukan terbaik lelaki, manakala pasukan memanah dipilih pasukan terbaik wanita, membolehkan setiap pasukan menerima RM500, piala pusingan, piala iringan serta sijil penghargaan.

Bagi kategori pengurus cemerlang, Alias Abdullah (kayak), Mansor Ahmad (menembak) dan Hazwani Salleh (tekwando) dipilih selaku pengurus cemerlang manakala Zulharisam Awang (bola sepak dan futsal), Abdul Razak (memanah) dan Nor Amirul Mohamad (mendayung) pula dipilih sebagai jurulatih cemerlang.

Anugerah kepada pemenang disampaikan Naib Canselor Unisza, Prof Dr Yahaya Ibrahim yang turut dipilih penerima Anugerah Khas atas komitmenya mengetuai kontingen Malaysia ke Sukan Universiti Asia 2012 di Laos di mana negara muncul juara keseluruhan dengan 60 emas, 48 perak dan 72 gangsa.

Selain itu, Pendaftar Unisza, Nordin Jusoh dipilih penerima Tokoh Sukan Unisza manakala akhbar Sinar Harian dipilih penerima Anugerah Rakan Sukan Unisza bersama media cetak dan media elektronik.